



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

13 November 2020
27 Rabiulawal 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Dua Bot Nelayan Indonesia Kena Usir
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	

Dua bot nelayan Indonesia kena usir

Lumut: Dua bot nelayan Indonesia bersama 25 kru diusir keluar selepas dikesan mencerooboh perairan negara di kedudukan 33 batu nautika barat laut Pulau Jarak dekat sini, kelmarin.

Tindakan pengusiran dilakukan Kapal Maritim (KM) Rawa milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melaksanakan Op Benteng selepas mengesan bot berkenaan pada jam 11 pagi.

Pengarah APMM Perak, Kepten Maritim Shahrizan Raman berkata, pengusiran itu turut dibantu pesawat udara Maritim AW139 yang juga dalam pengawasan udara Op Benteng di perairan Selat Melaka.

Menurutnya, dua bot itu dikesan melakukan aktiviti menangkap ikan oleh KM Rawa yang kemudian memberi amaran kerana berada dalam perairan Malaysia dan mengarahkan berhenti melakukan aktiviti itu.

"Hasil pemeriksaan mendapati sebuah bot pukukat jerut dikendalikan 20 kru termasuk tekong dan sebuah lagi bot peranti dengan lima kru yang semuanya warga Indonesia.

"Kedua-dua bot diusir keluar oleh KM Rawa dan pesawat udara Maritim AW139 secara membayangi sehingga ke sempadan perairan Malaysia-Indonesia," katanya.

Shahrizan berkata, pengusiran itu adalah tindakan semasa dalam mencegah penularan wabak Covid-19 khususnya melalui kes import yang dibawa oleh warga asing.

Katanya, pihaknya akan terus meningkatkan pemantauan dan mengawal sempadan perairan negara khususnya melalui Op Benteng Laut dalam mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin (Pati) dan jenayah rentas sempadan.



DUA bot nelayan Indonesia yang diusir APMM.